BAB KETIGA

INTIFADAH DAN WAWASAN PERADABAN PALESTIN

3.1 Pengenalan

Penguasaan Israel sepenuhnya ke atas tanah Palestin pada tahun 1967 secara tidak langsung telah meruntuhkan peradaban Palestin dan hingga sekarang ia sukar untuk dikembalikan. Yahudi yang bercita-cita untuk menjadikan Palestin sebagai milik mutlak mereka sentiasa membuat helah dan mencari jalan agar entiti Palestin dihapuskan. Bagi mereka impian tersebut akan menjadi kenyataan sekiranya jati diri rakyat Palestin dilenyapkan dan segala bentuk peradaban Palestin dikuasai sepenuhnya oleh mereka. Rakyat Palestin pula sungguhpun merupakan satu-satunya bangsa yang masih berada di bawah kuasa pendudukan akan tetap mempertahankan peradaban mereka. Mereka tidak mahu kekal untuk menjadi bangsa yang tidak bernegara. Justeru, rakyat Palestin menjadikan Intifadah sebagai perjuangan utama untuk merampas semula tanah mereka dan cuba mengembalikan semula kegemilangan peradaban mereka.

Menyedari keadaan tersebut maka perbincangan di dalam bab ini akan mendalami apakah aspek-aspek peradaban Palestin yang telah musnah di tangan Israel dan melihat bagaimana mereka menggunakan Intifadah untuk mendapatkan semula peradaban mereka.

3.2 Tuntutan Peradaban Palestin

3.2.1 Negara dan Kedaulatan

Di dalam pembentukan sesebuah negara, ia memerlukan empat elemen utama iaitu mempunyai penduduk, kawasan, kerajaan serta kemampuan untuk mengadakan hubungan dengan negara luar. Sehubungan itu, kewujudan Palestin sebagai sebuah negara sepatutnya sudah terlaksana memandangkan Palestin sudahpun memenuhi kriteria tersebut iaitu adanya penduduk Palestin, Semenanjung Gaza, Tebing Barat dan timur Baitulmaqdis sebagai kawasan bagi negara Palestin, Pihak Berkuasa Palestin yang bertindak sebagai kerajaan serta kemampuan negara Palestin untuk mengadakan hubungan dengan negara luar berdasarkan pengiktirafan serta sokongan yang diberikan oleh kebanyakan negara di dalam pembentukan negara Palestin.

Walau bagaimanapun kewujudan sebuah negara Palestin sebenarnya amat ditentang oleh Amerika Syarikat dan Israel. Keadaan ini dapat dilihat apabila perisytiharan pembentukan Palestin sebagai sebuah negara dengan Baitulmaqdis menjadi ibu negara Palestin yang dibuat ketika berlangsungnya Majlis Kebangsaan Palestin ke- 19 di Algeria pada 12-15 November 1988 telah mendapat bantahan daripada kedua-dua negara tersebut. Bantahan tersebut didasarkan kepada alasan bahawa perisytiharan itu tidak memberi jaminan dan pengiktirafan terhadap kewujudan hak Israel di samping kritikan terhadap kegagalan Palestin untuk menghapuskan keganasan.[1] Ironinya, di peringkat antarabangsa terdapat lebih daripada 100 buah negara yang memberi pengiktirafan di atas kewujudan negara Palestin. Tambahan pula kewujudan Palestin sebagai sebuah negara adalah selaras

dengan resolusi 181 yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1947 yang memperakukan pembahagian Palestin kepada dua buah negara.[2]

Malah negara Palestin sekarang telah dinaikkan taraf daripada menjadi negara pemerhati di PBB kepada negara bukan anggota di dalam Majlis Perhimpunan Agung PBB yang mempunyai hak untuk bersuara di dalam sebarang masalah yang berkaitan Timur Tengah. Di samping itu, ia juga turut menjadi anggota kepada Liga Arab, Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM), OIC, dan Kumpulan 77 di dalam Negara membangun.[3] Walau bagaimanapun penolakan Amerika Syarikat dan Israel mempunyai pengaruh yang besar terhadap negara Palestin kerana ia disusuli dengan pelbagai tindakan yang menyebabkan status Palestin sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat masih belum terlaksana.

Sepatutnya peluang rakyat Palestin untuk memiliki sebuah negara yang mempunyai kedaulatan tercapai sekiranya Israel mematuhi perjanjian Oslo yang ditandatangani pada 13 September 1993 di antara Yasir Arafat selaku wakil sah Palestin dengan Yizhak Rabin yang mewakili pihak Israel. Melalui Perjanjian Oslo yang merupakan perjanjian perdamaian pertama di antara Palestin dan Isreal, penubuhan sebuah negara Palestin yang bebas dan merdeka telah dijanjikan iaitu selepas 5 tahun perjanjian tersebut ditandatangani. Satu bentuk rundingan kekal yang berkaitan dengan beberapa perkara juga akan dibentuk dalam tempoh tidak lebih dari 3 tahun memandangkan perjanjian ini cuma memberikan taraf berkerajaan yang bersifat sementara terhadap rakyat Palestin.[4] Namun begitu, sikap Israel yang sentiasa berdolak- dalik di dalam mengotakan perjanjian telah menyebabkan

perjanjian Oslo menemui kegagalan termasuklah beberapa siri rundingan lain sebagai rentetan terhadap perjanjian Oslo.

Kegagalan Perjanjian Oslo dan perjanjian lain menunjukkan Israel sebenarnya tidak akan membenarkan sebuah penubuhan negara Palestin didirikan. Ini terbukti apabila kerajaan Israel melahirkan kebimbangan penubuhan negara Palestin akan mengancam keselamatan kerajaan mereka selain turut memberi kemenangan kepada Palestin untuk membina semula peradaban mereka. Keadaan ini pernah dijelaskan oleh Benjamin Netanyahu yang menyatakan Israel sanggup memberikan Palestin pemerintahan sendiri tetapi tidak akan sekali-kali membenarkan penubuhan sebuah negara Palestin.[5] Bagi pihak Palestin pula kepentingan untuk mempunyai negara menyebabkan mereka sanggup bekerjasama meskipun terdapat ketidakadilan dengan menerima cadangan penubuhan negara Palestin hanya di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza.

Ternyata idea 2 buah negara sebagai jalan penyelesaian bagi tuntutan terhadap negara Palestin tetap tidak akan diterima oleh Israel dan mereka hanya sanggup memberikan kuasa autonomi sahaja sungguhpun rakyat Palestin melalui perjanjian Oslo telah mengecilkan tuntutan mereka serta memberi pengiktirafan di atas kewujudan negara Israel.

Rakyat Palestin juga menantikan sebuah negara yang mempunyai kedaulatan. Ini kerana sungguhpun terdapat sedikit ruang untuk kerajaan Palestin memerintah tetapi ia tetap tertakluk di bawah pengawalan Israel. Di bawah perjanjian Oslo, Palestin tidak boleh mempunyai tenteranya sendiri malah sempadan, keselamatan

serta hubungan antarabangsa diletakkan di bawah urusan kerajaan Israel.[6] Ini mencerminkan tiadanya kebebasan bagi kerajaan Palestin untuk memerintah negara mereka sedangkan apa yang diperjuangkan oleh mereka adalah sebuah negara yang mempunyai kedaulatan serta mengamalkan pemerintahan sendiri tanpa campur tangan daripada kuasa asing.

Selain itu, mereka juga mahukan sebuah negara yang bersifat demokratik dan diperintah berdasarkan keadilan dan undang-undang. Negara seperti itu akan mengakui hak rakyat Palestin untuk membuat penentuan sendiri serta mempunyai hak yang diakui oleh seluruh masyarakat dunia . Keadaan ini juga adalah sebab mengapa rakyat Palestin menolak cadangan Bush selaku Presiden Amerika Syarikat yang mahukan supaya Palestin kekal dengan keadaan sekarang iaitu cuma menguasai 40% daripada Tebing Barat dan menamakannya sebagai negara tetapi tidak mempunyai hak dan tanggungjawab untuk bertindak seperti sebuah negara.[7] Negara Palestin bagi rakyatnya bukanlah semata-mata bergantung kepada kedudukan geografinya yang lepas, tetapi disitulah seluruh emosi, dan identiti mereka akan dizahirkan .[8]

Oleh itu, bagi rakyat Palestin perisytiharan sesebuah negara tanpa mempunyai kedaulatan adalah tidak bermakna. Justeru Intifadah telah digunakan sebagai salah satu cara untuk mendapat hak tersebut. Ini kerana akibat tekanan daripada Intifadah perisytiharan penubuhan negara Palestin pada tahun 1988 telah dapat dilaksanakan selain perhatian antarabangsa ketika itu dialihkan kepada masalah Palestin. Malah Intifadah jugalah yang menyebabkan PLO mendapat kedudukan di peringkat antarabangasa dan berubah menjadi lebih pragmatik dengan menerima penubuhan 2 buah negara sebagai penyelesaian. Hamas yang merupakan di antara kumpulan

politik terbesar di Palestin dan mendapat sokongan ramai menegaskan bahawa hanya dengan peperangan dan pertumpahan darah, negara mereka akan dapat mencapai kemerdekaan. Bagi mereka, sungguhpun rundingan perjanjian diadakan tetapi ia tidak akan berjaya menghalang pengusiran tentera Israel seluruhnya dari Semenanjung Gaza dan Tebing Barat.[9]

Seiring dengan itu, Hamas juga melalui Intifadah bercita-cita ingin mendirikan negara Islam di Palestin kerana ideologi dan konsep pemikiran mereka bersumberkan Islam sebagai manhaj perjuangan.[10] Tambahan pula kerajaan Palestin yang ada sekarang ini banyak mencetuskan korupsi yang menghilangkan kepercayaan mereka. Walau bagaimanapun pertubuhan lain yang turut menggerakkan Intifadah Palestin pula inginkan kewujudan dan pengekalan kerajaan sekular seperti yang terdapat sekarang kerana bagi mereka Palestin adalah negara berbilang bangsa dan agama. Namun apa yang penting bagi setiap rakyat Palestin ialah memperjuangkan kemerdekaaan dan pembebasan negara mereka terlebih dahulu daripada memikirkan bentuk dan corak negara Palestin.

3.3 Penguasaan Baitulmaqdis

Baitulmaqdis merupakan isu utama yang perlu dibincangkan di dalam mencari penyelesaian konflik Yahudi dan Palestin. Ini kerana kota ini menjadi tempat perebutan dan pertindihan tuntutan di antara kedua-dua bangsa tersebut memandangkan di sinilah ketamadunan keduanya-duanya pernah bertapak. Malah kota ini juga turut menjadi lambang peradaban bagi penganut agama Kristian yang menyebabkan permasalahan Baitulmaqdis menjadi semakin kompleks. Campurtangan

PBB melalui rancangan pembahagian pada tahun 1947 yang mahukan Baitulmaqdis menjadi kota bebas dan diletakkan di bawah pengawalan antarabangsa [11] tidak dipersetujui oleh negara Arab. Sudah tentunya cadangan ini ditolak oleh negara Arab kerana kesan jangka panjangnya akan mengakibatkan penghapusan hak serta menghalang pengembalian Baitulmaqdis kepada bangsa Arab dan umat Islam.[12]

Sepatutnya isu Baitulmaqdis boleh diselesaikan sekiranya Israel tidak bercita-cita untuk memonopolinya memandangkan Israel telahpun menguasai Baitulmaqdis Barat ketika penubuhan negara Israel pada tahun 1948 manakala Baitulmaqdis Timur ketika itu di bawah penguasaan Jordan.[13] Walau bagaimanapun kerana berpegang dengan sejarah sebelum diaspora yang pernah menjadikan Baitulmaqdis sebagai ibu negara, Yahudi telah membangkitkan hasrat mereka untuk menguasai kedua-dua bahagian tersebut dan ini menjadi kenyataan apabila mereka berjaya di dalam peperangan pada tahun 1967.[14]

Semenjak itu bermulalah usaha untuk mewujudkan semula tamadun mereka dan kempen-kempen fanatik telah dijalankan dengan menukar milik tanah di Baitulmaqdis Timur kepada Yahudi. Malah mereka turut mengisytiharkan penyatuan kedua-dua Baitulmaqdis iaitu Timur dan Barat di bawah pentadbiran Israel pada 27 Jun 1967. Ini diikuti dengan perisytiharan secara rasmi pada 30 Julai 1980 yang menyatakan Baitulmaqdis menjadi ibu negeri mereka selama-lamanya .[15]

Tindakan tersebut telah membuatkan rakyat Palestin yang beragama Islam dinafikan hak mereka sedangkan pada hakikatnya Baitulmaqdis adalah milik mutlak mereka samada dari segi sejarah atau undang-undang. antarabangsa.[16] Ini kerana

Resolusi PBB no. 2253 menyatakan dengan jelas adalah tidak sah tindakan Israel untuk mengubah Baitulmaqdis. Walau bagaimanapun Israel tidak pernah mempedulikan bantahan dunia kerana ia disokong kuat oleh Amerika Syarikat. Buktinya Amerika turut mengiktiraf Baitulmaqdis menjadi ibu negara baru bagi Israel untuk menggantikan Tel Aviv.[17] Hasilnya tindak tanduk Israel menjadi berleluasa dan rakyat Palestin menerima kekejaman dari pelbagai rancangan jangka pendek dan panjang Yahudi untuk menguasai Baitulmaqdis. Pengusiran penduduk Palestin dengan cara membina penempatan Yahudi secara besar-besaran dan teratur disekeliling Baitulmaqdis merupakan salah satu rancangan Yahudi untuk menjadikan penempatan rakyat Palestin terasing. [18]

Sungguhpun perkongsian Baitulmaqdis merupakan satu langkah yang baik untuk mengatasi masalah perebutan tetapi matlamat dan cita-cita Israel yang ingin mendominasi keseluruhan Baitulmaqdis menyebabkan idea ini tidak boleh dipercayai. Buktinya ketika perjanjian Perdamaian Oslo di tandatangani, kerajaan Israel masih membuka dan meluaskan penempatan baru di Baitulmaqdis.[19] Keadaan ini membuatkan rakyat Palestin tidak berkompromi dan tetap menuntut supaya Baitulmaqdis Timur dijadikan ibu negara Palestin. Walau bagaimanapun hakikatnya Baitulmaqdis bukan sahaja tidak dipisahkan kepada Palestin dan Israel tetapi tidak juga ditadbir secara bersama memandangkan penguasaan dan pendudukan Israel di Tebing Barat.

Kepentingan Baitulmaqdis sebagai tempat suci dan lambang kedaulatan agama Islam menyedarkan rakyat Palestin untuk tidak berkompromi dengan penyerahan Baitulmaqdis Timur kepada orang Yahudi. Maruah dan kesucian agama

Islam perlu dipertahankan memandangkan di sini terletaknya Masjid al Aqsa dan Kubah Batu yang mempunyai kaitan dengan sejarah Nabi Muhammad S.A.W. Kemuliaan Masjid al- Aqsa yang menjadi kiblat pertama orang Islam dan tempat ketiga suci selepas Masjid al-Haram dan Masjid Nabawi menjadi pendorong kepada rakyat Palestin untuk menjaga kesucian tersebut daripada ditakluk oleh Yahudi. Tuntutan penyerahan Baitulmaqdis kepada Palestin juga dibuat bukan sahaja berdasarkan kesuciannya tetapi juga kerana ia merupakan penempatan terbesar bangsa Arab selain menjadi pusat komunikasi utama di Tebing Barat. [20]

Kerana itu, Baitulmaqdis adalah simbol kekuatan umat Islam Palestin di dalam menghadapi perjuangan dengan Yahudi. Ini kerana rakyat Palestin tidak akan membiarkan tempat ini jatuh ke tangan Yahudi kerana ia melibatkan maruah Islam. Tambahan pula rakyat Palestin menyedari Israel mahukan Baitulmaqdis bukan disebabkan faktor agama semata-mata iaitu dengan dakwaan sebahagian masjid al-Aqsa dan Kubah Batu perlu dikhaskan untuk penduduk Yahudi melakukan upacara keagamaan mereka,[21] tetapi ternyata sebab ekonomi, dan politik turut mendorong Yahudi untuk merampas Baitulmaqdis. Kejayaan menguasai Baitulmaqdis akan membawa kepada peningkatan ekonomi Israel di mana tempat tersebut dijadikan sumber pelancongan, manakala imej politik Israel turut meningkat kerana kawalan ke atas Baitulmaqdis membuktikan kemenangan budaya mereka ke atas Islam.[22]

Sememangnya kesedaran demikian mendorong rakyat Palestin untuk mempertahankan Baitulmaqdis. Penentangan diwujudkan setiap kali berlaku pencerobohan terutamanya ke atas Masjid al-Aqsa. Malah rakyat Palestin menyedari tentera Israel menggunakan isu Baitulmaqdis untuk mencetuskan provokasi iaitu

dengan mencemarkan kesucian agama Islam seperti membina terowong di bawah Masjid al-Aqsa untuk membangkitkan kemarahan rakyat Palestin dan kemudian menangkap dan bertindak ke atas rakyat Palestin di atas alasan memerangi keganasan.[23] Walau bagaimanapun kemuliaan Masjid al–Aqsa menyebabkan rakyat Palestin sanggup bermati-matian untuk mempertahankannya. Semangat mereka disemarakkan lagi dengan pandangan ulama-ulama Islam yang mengatakan adalah menjadi kewajipan setiap umat Islam untuk mempertahankan kemulianan masjid al - Aqsa sama ada dengan nyawa, harta ataupun melalui berdoa-doa bersungguh-sungguh kepada Allah. [24]

Keadaan ini menyebabkan rakyat Palestin bergantung dengan Intifadah untuk membebaskan masjid al- Aqsa. Dalam hal ini rakyat Palestin tidak mempunyai pilihan lain kerana rundingan perdamaian sering menemui kegagalan dan isu Baitulmaqdis sering menjadi pertikaian. Hanya Intifadah yang mampu mengembalikan Baitulmaqdis kepada rakyat Palestin. Hal ini dapat dilihat apabila Intifadah al–Aqsa berlaku kerana tidak mahu kesucian Masjid al-Aqsa tercemar akibat lawatan Ariel Sharon. Biarpun untuk mempertahankan Baitulmaqdis terutamanya Masjid al-Aqsa memerlukan pengorbanan tubuh badan rakyat Palestin tetapi mereka merelakannya. Ini kerana mereka akan terus berusaha sebagaimana perjuangan Saidina Umar al-Khattab dan Salehuddin al-Ayubi membebaskan Baitulmaqdis.[25]

3.4 Pemulangan Pelarian

Exodus rakyat Palestin semenjak penubuhan negara Israel dan pencerobohan ke atas Tebing Barat dan Semenanjung Gaza telah mengakibatkan mereka menjadi pelarian di tanah air mereka, sekitar negara Arab bahkan negara-negara lain termasuk di negara Barat. Sehingga sekarang isu pelarian masih belum dapat di atasi. Tambahan pula Israel dengan strategi untuk menguasai keseluruhan tanah Palestin dan menjadikannya sebagai hak milik mereka telah membuat pengambilan tanah dan penempatan rakyat Palestin secara paksa sehingga menjadikan jumlah pelarian Palestin semakin meningkat.

Isu pelarian menjadi semakin rumit apabila Perjanjian Oslo yang diharapkan dapat menyelesaikan masalah pelarian turut gagal untuk berbuat demikian. Ini kerana masalah pelarian yang ditangguhkan perbincangan ke dalam status terakhir rundingan pada tahun 1996 tidak dapat dilaksanakan memandangkan polisi kerajaan Israel telah berubah dengan perubahan pucuk pimpinan Israel yang seterusnya menyaksikan penempatan-penempatan baru untuk rakyat Israel telah dibuka di kawasan Palestin.[26] Begitu juga dengan perjanjian-perjanjian lain selepas perjanjian Oslo seperti Perjanjian di Taba (Oslo 11) yang telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak pada Januari 2001 yang bercita-cita untuk mencari penyelesaian terhadap isu pemulangan pelarian turut gagal disebabkan kedua-dua belah pihak gagal untuk bekerjasama memandangkan sikap mereka yang saling melakukan keganasan.[27]

Sememangnya Israel tidak berhasrat untuk membenarkan pemulangan pelarian kerana sekiranya keadaan ini berlaku maka sudah tentulah misi mereka

untuk menguasai keseluruhan negara Palestin akan gagal. Pemulangan pelarian sudah tentunya menggugat kestabilan negara Israel dan menjadikan penduduknya sebagai golongan minoriti.[28] Selain itu, penerimaan Israel terhadap pelarian Palestin secara tidak langsung telah menunjukkan Israel mengakui hak rakyat palestin sebagai penduduk asal di negara mereka. Sedangkan hakikatnya Israel menolak kebenaran ini dan cuba membuatkan rakyat Palestin seolah-olah orang asing yang menumpang dan merekalah yang berhak ke atas tanah Palestin. Penolakan terhadap resolusi 194 yang dikeluarkan oleh Majlis Perhimpunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang membenarkan pelarian untuk pulang semula ke tanahair mereka menjadi bukti Israel cuba menafikan hak rakyat Palestin. Selain tidak ada hak untuk pulang, nasib pelarian Palestin semakin malang apabila Israel menolak pemberian ganti rugi di atas kehilangan harta benda mereka semasa peperangan kerana Israel berpendapat negara Arab yang bertanggung jawab kerana memulakan peperangan dan menjadikan rakyat Palestin sebagai mangsa pelarian.[29]

Matlamat ini juga menyebabkan Israel cuba meningkatkan jumlah pelarian Palestin dengan melakukan pelbagai kekejaman, penindasan serta pengepungan terhadap rakyat Palestin dengan tujuan supaya mereka tidak tahan untuk berada di bawah pengawasan Israel dan berpindah ke negara lain secara sukaraela. Manakala pelarian Palestin di seluruh dunia cuba memohon untuk kembali ke tanahair, rakyat Palestin yang menjadi pelarian di negara mereka sendiri pula terpaksa hidup di dalam keadaan merempat, dan sering di tindas serta disiksa oleh tentera Israel. Polisi ini juga pernah disebut oleh Areil Sharon yang berusaha untuk menyulitkan keadaan hidup rakyat Palestin sehinggakan mereka merasakan tiada pilihan lain kecuali melarikan diri.[30] Namun keadaan ini ternyata berbeza kerana rakyat Palestin kali ini

tidak akan melarikan diri walaupun sering ditindas kerana mereka sedar sekiranya mereka berbuat demikian maka mereka tidak akan dapat pulang seperti pelarian yang terdahulu. [31]

Perubahan ini ternyata telah memberikan impak yang sangat besar kepada rakyat Palestin kerana penindasan dan sikap perkauman yang ditunjukkan oleh Israel mewujudkan Intifadah rakyat Palestin dengan bentuk penentangan yang ditakuti oleh Israel. Malah ketidakselesaan di dalam khemah pelarian memberikan pendorong buat mereka untuk menghidupkan penentangan. Di khemah-khemah pelarianlah wujudnya pusat penentangan malah Intifadah yang pertama juga dicetuskan oleh penduduk- penduduk di khemah pelarian.

Sungguhpun pelarian Palestin yang merempat di serata dunia terutamanya negara Arab agak kurang merasai penderitaan seperti saudara mereka di Palestin, malah terdapat sesetengah daripada mereka telah memperolehi kewarganegaraan seperti di negara Jordan atau mempunyai kaitan ekonomi dengan negara yang diduduki, namun itu tidak menghalang mereka untuk turut serta di dalam menuntut hak untuk kembali ke negara asal mereka. Malahan kanak-kanak kecil di negara tersebut turut berbuat demikian walaupun mereka tidak pernah berada atau melihat negara Palestin. Tambahan pula, tidak semua negara telah memberikan kemudahan dan hak sosial terhadap rakyat Palestin serta menolak keterlibatan di dalam komuniti mereka seperti yang berlaku di negara Lubnan.[32] Ini kerana selepas perang Teluk, toleransi negara Arab terhadap rakyat Palestin semakin menurun. Hak untuk mendapat kewarganegaraan dinafikan malah kehadiran rakyat Palestin dilihat sebagai ancaman terhadap kestabilan politik dan ekonomi mereka. [33] Akibatnya

rakyat Palestin yang berada di negara orang ini merasa terdorong untuk sama-sama menyokong gerakan Intifadah yang telah dilancarkan oleh saudara mereka di negara Palestin dengan harapan supaya negara Palestin dapat ditegakkan dan mereka dapat kembali ke negara mereka .

Masalah pelarian sebenarnya melambangkan tuntuan keadilan dan hak rakyat Palestin untuk mendapatkan semula tanahair mereka. Isu pelarian ini tidak akan selesai selagi Israel tidak mengiktiraf hak tersebut. Rakyat Palestin pula tetap tidak akan berputus asa untuk mendapat kembali tanah mereka.

3.5 Tanah dan Penempatan

Untuk merealisasikan impian Zionis yang ingin menguasai keseluruhan tanah Palestin, sudah tentulah polisi yang diambil oleh Israel ialah dengan memperbanyakkan bilangan Yahudi dan menempatkan mereka di atas tanah-tanah milik rakyat Palestin yang telah dirampas oleh tentera Israel. Sehingga sekarang terdapat banyak projek perumahan yang dibina oleh Israel secara haram melalui rampasan tanah Palestin di Tebing Barat, Baitulmaqdis dan Semenanjung Gaza. Polisi yang dijalankan semenjak tertubuhnya negara Israel masih dilaksanakan sehingga sekarang dan kesudahannya memperlihatkan rakyat Palestin kehilangan tanah mereka dan terpaksa menumpang di tanah air mereka sendiri.

Kerana cita-cita zionis yang berteraskan fahaman expansionist iaitu mahu memperluaskan kawasan atau pengaruhnya[34] telah menyebabkan Israel tidak pernah berkompromi di dalam membuka penempatan baru. Malah semasa rundingan

perjanjian di antara Israel dan Palestin dijalankan mereka tetap meneruskan pembinaan rumah bagi rakyat Yahudi. Oleh itu, tidak hairanlah Benjamin Netanyahu ketika beliau menjawat jawatan Perdana Menteri Israel telah menjelaskan bahawa Israel tidak berniat untuk menghentikan sebarang bentuk pembinaan rumah bagi rakyat Yahudi yang telah dimulakan dari awal lagi tetapi cuma akan memperlahankan aktivitinya semasa rundingan diadakan.[35] Kegagalan Perjanjian Oslo menggiatkan lagi usaha kerajaan Israel untuk membuka dan membina penempatan baru bagi masyarakat Yahudi serta menggalakkan kemasukan mereka.

Tindakan memperluaskan penempatan juga dikaitkan dengan hasrat Israel untuk tidak membenarkan penubuhan sebuah negara bagi Palestin di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza. Justeru, selain pengusiran yang bertujuan untuk membuka penenmpatan baru bagi Yahudi, Israel juga mengambil tanah kosong dan tanah rizab bagi cadangan pembinaan zon perindustrian dan pelancongan di tanah tersebut. Malah sehingga kini Isreal telahpun menguasai 40% tanah di Tebing Barat walaupun penempatan mereka cuma meliputi 2% daripada daripada Tebing Barat. [36]

Penguasaan tanah sudah tentulah membuka peluang yang besar bagi Isarel untuk membawa lebih ramai pendatang Yahudi bagi mendiami kawasan tersebut dan sekaligus dapat menambah jumlah penempatan Israel. Hal yang sama turut berlaku di Baitulmaqdis Timur apabila Israel dengan jumlah minoriti cuba untuk menambahkan jumlah penduduknya dengan membangunkan lebih banyak unit rumah Yahudi di kawasan tersebut. [37]

Ternyata strategi Israel ini telah menyebabkan Palestin berada di dalam keadaan kurang selamat di samping mendatangkan kesan terhadap ekonomi, politik dan sosial . Ini kerana rampasan tanah yang dibuat bukan semata-mata tanah yang dihuni oleh rakyat Palestin tetapi ia juga membabitkan tanah pertanian yang mengakibatkan rakyat Palestin hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Selain itu, jalan pintas yang dibuat bagi menghubungkan penempatan-penempatan Israel telah menyebabkan penempatan Palestin terkepung. Ini secara tidak langsung telah membolehkan Israel untuk menguasai tanah Palestin di jalan tersebut di samping dapat menghalang pembangunan Palestin.[38] Keadaan ini sudah tentunya menekan kehidupan rakyat Palestin dan bertepatan dengan hasrat Israel yang ingin menghalau keluar penduduk Palestin daripada kawasan mereka.

Sebenarnya rakyat Palestin mendapat perlindungan daripada undang-undang antarabangsa seperti artikel 49 Persidangan Geneva kali keempat yang menegaskan bahawa kuasa yang menjajah tidak boleh memindahkan hak milik orang awam yang dijajah . Begitu juga artikel 46 Persidangan Hague yang melarang rampasan harta persendirian di wilayah yang diduduki.[39] Walau bagaimanapun larangan yang dibuat tidak dapat menghentikan kegiatan Israel. Ini kerana tidak ada tindakan tegas yang diambil terhadap Israel memandangkan Amerika Syarikat selaku wakil besar dunia sentiasa menyokong segala tindakan Israel. Selain dari sokongan politik yang diraih oleh Israel, negara itu juga turut mendapat bantuan kewangan dari Amerika Syarikat di dalam membuka penempatan-penempatan baru bagi rakyat Yahudi.

Keadaan ini menyebabkan rakyat Palestin cuba untuk mendapatkan semula hak mereka. Keganasan yang mereka cetuskan adalah bertujuan untuk bangun

menuntut keadilan dan mendapatkan semula peradaban mereka. Rampasan tanah, pencerobohon ke atas rumah-rumah mereka serta pengusiran sudah tentulah akan menimbulkan tindakbalas serta merta. Mereka mempercayai jalan terbaik untuk mendapatkan segala hak dan peradaban yang telah hilang melalui Intifadah kerana Intifadah telah berjaya menakutkan Israel. Malah ketakutan terhadap Intifadah telah mendorong Israel dan Amerika Syarikat memberikan tekanan kepada Pihak Berkuasa Palestin (PA) supaya menghapuskan keganasan yang dicetuskan oleh puak Hamas yang sering melakukan tindakbalas.

Ternyatalah melalui penjajahan, Israel berusaha untuk merealisasikan cita-citanya untuk meluaskan kekuasaan dan demografinya. Melalui penguasaan juga Israel cuba menghapuskan PA serta entiti politik rakyat Palestin. Sekiranya hal ini berlaku sudah tentulah potensi rakyat Palestin untuk mempunyai pemerintahan sendiri tidak akan tercapai.[40]

3.6 Penguasaan Air

Perebutan sumber air di antara Palestin dan Israel telah menyemarakkan lagi konflik di antara kedua-dua buah negara tersebut. Kepentingan air terhadap sumber ekonomi menyebabkan Israel bercita-cita untuk mempertahankan pengawalan dan penguasaannya. Bagi rakyat Palestin pula, mereka akan cuba mendapatkan kembali hak mereka sungguhpun terpaksa melalui pelbagai rintangan kerana penguasaan ke atas air melambangkan kedaulatan pemerintahan mereka.

Walaupun hak air sebenarnya adalah milik Palestin malah pemilikannya dilindungi oleh undang-undang antarabangsa melalui pengiktirafan di dalam Perhimpunan Agung PBB berdasarkan Resolusi 3005 yang mengakui rakyat dan bangsa yang dijajah mempunyai hak dan kedaulatan ke atas sumber-sumber kekayaan semulajadi mereka [41] tetapi hal ini tidak dihiraukan oleh Israel yang tetap menceroboh hak milik Palestin. Ini kerana mereka berpegang dengan sejarah yang mengatakan mereka telah menguasai tempat tersebut semenjak sebelum tahun 1948 lagi dan mereka juga telah melaburkan jutaan dolar untuk membina dan menggali telaga serta membuat pelbagai kemudahan lain untuk mengagihkan air ke seluruh negara. [42]

Namun begitu, penyataan ini boleh di sangkal kerana rakyat Palestinlah sebenarnya yang berhak menguasai air dan sumbernya memandangkan mereka adalah penduduk asli di negara Palestin. Tambahan pula rampasan tanah dan pembekalan air yang dibuat hanyalah untuk memenuhi keperluan rakyat Israel. Sebenarnya Israel juga pernah mengakui hak air dan sumbernya adalah milik rakyat Palestin melalui Annex 111, Apendix 1 di dalam Perjanjian sementara di antara Palestin dan Israel.[43] Walau bagaimanapun pengakuan ini tidak berjaya direalisasikan memandangkan rundingan tentang air adalah salah satu perkara yang gagal dibincangkan di dalam rundingan kekal seperti yang telah dijanjikan.

Tegasnya Israel tidak akan sekali-kali membiarkan air di bawah penguasaan rakyat Palestin memandangkan kerajaan Israel sememangnya menyedari penguasaan ke atas air membolehkan mereka menguasai sumber ekonomi. Ini kerana sektor pertanian bergantung dengan pengairan. Malah air merupakan punca lebih ramai

imigran Yahudi dapat dibawa masuk ke Israel bagi memajukan ekonomi mereka. Tambahan pula Palestin kekurangan batu dan bahan pembakar yang menyebabkan air menjadi kuasa utama menjana hidroelektrik.[44] Berdasarkan kepentingan air terhadap Israel maka Israel bercita-cita untuk menubuhkan negara Israel bukan setakat di kawasan yang diduduki sekarang ini bahkan meliputi Jordon dan Lubnan kerana sumber pengairannya. Ini bermakna air dijadikan penentu bagi sempadan Israel. Hal ini telah dinyatakan oleh Chaim Weinzmann kepada Perdana Menteri British selepas 2 tahun Deklarasi Balfour diumumkan bahawa tuntutan sempadan negara Israel bukan semata-mata terhadap sejarah mereka tetapi ditentukan dengan ekonomi moden yang bermaksud menguasai pembekalan air bagi pengairan dan kuasa elektrik. yang bermula dari landaian Gunung Hermont , hulu air di Jordan sehingga di Litany yang terletak di Lubnan.[45]

Sehingga sekarang, perkongsian air yang tidak setimpal di antara penduduk Palestin dan Israel menunjukkan Israel mendominasi air dan melakukan diskriminasi terhadap penduduk Palestin. Rakyat Palestin dibenar untuk menggunakan air tetapi dengan terhad samada di bidang domestik atau pertanian. Malah di dalam bidang pertanian, rakyat Palestin diminta untuk membayar lebih daripada empat kali ganda harga air berbanding dengan penduduk Israel yang disubsidikan.[46] Telaga dan sumber air pula tidak banyak bertambah kecuali yang telah digali pada tahun 1967. Walau bagaimanapun di penempatan yang terdapat banyak penduduk Israel telaga telah banyak digali dan mereka juga mempunyai telaga-telaga yang telah dikhususkan kepada mereka secara eksklusif.[47] Kualiti air kepada penduduk Palestin pula amat rendah terutamanya di Semenanjung Gaza kerana airnya mempunyai tahap kemasinan yang tinggi bahkan kemasinannya melebihi empat kali ganda daripada

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

tahap selamat. Ini ditambahi pula dengan pencemaran biologi disebabkan ketidaksempurnaan sistem najis dan bahan pembuangan yang lain yang menyebabkan ia terpaksa dialirkan ke laut melalui Jabalya dan khemah Shati di Semenanjung Gaza.[48]

Sebenarnya pelbagai halangan dan sekatan lain telah diadakan oleh Israel kepada penduduk Palestin dengan tujuan untuk menekan kehidupan rakyat Palestin dan membuatkan mereka menderita di bawah pendudukan Israel memandangkan air adalah sumber asas bagi kehidupan. Malah semenjak tahun 1967 lagi Israel sudah tidak membenarkan keterlibatan rakyat Palestin di dalam pengurusan dan pembangunan sumber air.[49] Keadaan ini sudah tentunya meletakkan rakyat Palestin di bawah penderitaan yang berpanjangan. Justeru, setelah rundingan tidak membuahkan kejayaan mereka cuba melalui Intifadah untuk mengambil semula penguasaan ke atas air kerana ia adalah simbol peradaban mereka. Tambahan pula ia merupakan asas utama di dalam kehidupan manusia.

3.7 Hak dan Kebebasan

Sebenarnya rasa terhina dan kecewa menjadi pendorong yang kuat kepada rakyat Palestin untuk mencetuskan Intifadah. Di bawah penguasaan Israel, hak rakyat Palestin diabaikan malah segala bentuk kebebasan mereka sebagai rakyat bagi sebuah negara disekat. Selain itu, mereka juga diancam dengan segala bentuk keganasan dan kekejaman tentera Israel. Keadaan ini menyebabkan mereka mengambil keputusan dengan melancarkan Intifadah walaupun Israel membuat

serangan balas dan menyifatkan tindakan mereka sebagai membela diri daripada aktiviti keganasan.

Meskipun Pihak Berkuasa Palestin dapat memerintah sebahagian kecil wilayah daripada negara Palestin pada tahun 1995, iaitu sebagai hasil dari Perjanjian Oslo tetapi ia masih tertakluk di bawah penguasaan Israel. Tidak banyak yang boleh dilakukan oleh Pihak Berkuasa Palestin kerana kerajaan Israel sentiasa memantau pemerintahan mereka. Keadaan ini menyebabkan hidup rakyat Palestin masih tidak berubah. Ditangkap dan ditahan sudah menjadi kebiasaan. Malah hukuman yang dikenakan ke atas bangsa Palestin pula adalah tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh mereka. Tangkapan juga dibuat ke atas sesiapa yang disyaki menjadi pengganas.

Walau bagaimanapun amat jarang sekali pendatang Israel ditangkap kerana melakukan aktiviti keganasan terhadap rakyat Arab. Rakyat Palestin hidup seolah-olah di dalam penjara terbuka yang besar di mana semua aktiviti adalah dikawal. Nyawa mereka pula bagaikan berada dihujung tanduk kerana Israel bebas untuk bertindak sesuka hati. Semasa perintah berkurung misalnya, tentera Israel akan membunuh sesiapa sahaja yang keluar rumah bahkan yang tidak keluar rumah dan hanya berada dibalkoni dan sedang berehat juga dibunuh.[50]

Segala bentuk kekejaman yang dilancarkan oleh Israel secara tidak langsung menggambarkan Israel telah hilang nilai kemanusiaan. Ini kerana polisi Israel yang menjalankan pemerintahan berdasarkan fahaman ras menyebabkan keadilan bagi rakyat Palestin tidak dapat ditegakkan. Seluruh aspek kehidupan rakyat Palestin

ditunjangi dengan polisi tersebut bahkan dasar apartheid yang dijalankan oleh Israel adalah lebih buruk berbanding di Afrika Selatan. Keadaan ini menyebabkan ketidakadilan berlaku terhadap rakyat Palestin samada dari segi ekonomi, politik atau sosial yang bertujuan memaksa rakyat Palestin untuk tunduk di bawah pemerintahan tentera Israel. Keadaan kehidupan yang semakin buruk serta pengawalan sepenuhnya terhadap aktiviti kehidupan mereka menyebabkan rakyat Palestin bertukar corak perjuangan di dalam menghadapi tentera Israel. Rakyat Palestin sudah tidak tahan diperlakukan tanpa sebarang belas kasihan dan peri kemanusiaan.

Pelbagai bentuk sekatan yang dikenakan kepada rakyat Palestin misalnya membuktikan rakyat Palestin masih tidak mempunyai kebebasan walaupun berada di negara mereka sendiri. Situasi ini berlaku seperti di Baitulmaqdis di mana rakyat Palestin terpaksa meminta permit bahkan mereka juga terpaksa mempunyai kad identiti mereka sendiri. Sesiapa yang ditangkap dan tidak mempunyai kad identiti bukan sahaja didenda atau dimasukkan ke dalam penjara tetapi juga akan dipukul ketika itu.[51] Manakala Di Gaza dan Tebing Barat terdapat ratusan rakyat Palestin yang memegang visa sebagi pelancong samada bagi tempoh 1 ,2 atau 3 bulan. Mereka tidak dibenarkan untuk tinggal di Israel sekiranya permit tersebut telah luput dan terpaksa memperbaharuinya semula. [52]

Untuk keluar bekerja di Israel juga mereka terpaksa melalui beberapa pondok pengawal dan akan diperiksa berkali-kali yang melambatkan perjalanan. Situasi ini seperti yang dilaporkan oleh National Geografic (Oktober 2002) yang mengatakan perjalanan dari Ramallah ke Jericho hanya 25 batu tetapi boleh mengambil masa sehari suntuk. Mereka dipaksa berhenti dan berpuluh-puluh sekatan dikenakan

Israel.[53] Selain menyusahkan, mereka juga merasa terhina kerana kerap kali diperlakukan dengan perkara-perkara yang memalukan ketika pemeriksaan di pondok pengawal.

Rakyat Palestin sudah terlalu lama menderita, bukan sahaja dari sudut kongkongan kehidupan bahkan tentera Israel menekan rakyat Palestin dengan kekurangan infrastuktur di kawasan mereka agar rakyat Palestin merasa tidak selesa dengan kehidupan tersebut. Hakikat inilah yang menyebabkan rakyat Palestin inginkan pemerintahan sendiri bagi membawa perubahan demi keselesaaan hidup mereka. Ini kerana kehidupan rakyat Israel jauh lebih baik berbanding mereka. Sedangkan pada masa yang sama rakyat Palestin telah membayar cukai kepada Israel lebih daripada apa yang Israel lakukan di wilayah yang diduduki. [54] Malah menurut majalah time 1988, kerajaan negara Israel telah mengaut keuntungan 393 milion dan cuma membelanjakan 240 milion di dalam bidang kesihatan, pendidikan dan lain-lain perkhidmatan kemanusiaan. Rakyat Palestin pula tidak mempunyai hak untuk menanyakan bagaimana wang tersebut di belanjakan. [55]

Selain itu, rakyat Palestin juga inginkan pembaharuan di dalam bidang pendidikan kerana ia merupakan rancangan pembangunan yang terpenting. Di bawah penguasaan Israel, pendidikan rakyat Palestin diabaikan malah ramai kanak-kanak Palestin tidak dapat pergi ke sekolah. Mereka juga terpaksa melalui pelbagai halangan untuk ke sekolah seperti pemeriksaan dipondok-pondok pengawal bagi mencari pengganas. Ramai pelajar yang ditahan, ditangkap atau dipukul ketika melalui sesi tersebut. Bahkan tentera Israel juga akan memasuki sekolah atau universiti untuk mencari pelajar-pelajar yang disyaki sekaligus menganggu

pembelajaran mereka. Ketika perintah berkurung pula, sekolah dan universiti terpaksa ditutup dan menyebabkan pelajar-pelajar Palestin tidak mendapat pendidikan yang secukupnya [56]

Jika ditinjau dalam bidang ekonomi pula, ternyata rakyat Palestin tidak mempunyai kuasa untuk menentukan polisi import, menetapkan harga tarif atau membuat penyeliaan serta penilaian terhadap komoditi mereka. Ini kerana semua perkara tersebut ditentukan oleh Israel. Hal ini dapat dilihat apabila Israel dengan kuasanya telah memaksa Palestin untuk mengimport barangan daripada mereka dan menyekat import Palestin daripada negara luar serta mengenakan duti import yang tinggi sehingga mencapai 200 hingga 300 peratus. Rakyat Palestin sudah tentu tidak mempunyai pilihan selain mengimport barangan dagangan daripada Israel memandangkan hubungan dagangan dengan negara luar terutamanya dengan negara Arab adalah dilarang.[57]

Walau bagaimanapun hal yang sebaliknya pula berlaku apabila barangan serta pasaran pertanian Palestin hanya dibenarkan untuk memasuki pasaran di Israel semata-mata tetapi dengan jumlah yang terhad dan dikehendaki mendapat permit. Ketidakadilan ini dibuat oleh Israel untuk menjaga kepentingan peladang mereka selain supaya tidak mendapat persaingan daripada rakyat Palestin. [58] Penindasan ini membolehkan Israel memperolehi tenaga buruh yang murah dikalanganan rakyat Palestin memandangkan keperluan tuntutan hidup memaksa rakyat Palestin untuk bekerja di Israel. Sungguhpun begitu, mereka juga terpaksa bersaing dengan buruh yang dibawa masuk daripada Soviet Union dan keadaan ini sudah tentunya menyebabkan pekerja Palestin ditekan . [59] Selain itu, mereka juga didiskriminasi

dengan mendapat gaji yang lebih rendah berbanding dengan pekerja daripada Israel serta tidak dapat menjawat jawatan tinggi dan hanya bekerja sebagai pekerja biasa. [60]

Ternyata segala bentuk kongkongan yang dihadapi oleh rakyat Palestin memberikan mereka satu semangat untuk berpadu bagi mengubah nasib mereka . Selagi penjajahan Israel ke atas negara mereka masih berjalan maka selagi itulah segala bentuk kebebasan dan hak mereka akan diambil oleh Israel. Oleh itu, pengharapan rakyat Palestin adalah kepada Intifadah untuk mengembalikannya.

3.8 Kesimpulan

Keenganan kerajaan Israel untuk mematuhi segala resolusi yang diputuskan oleh undang-undang antarabangsa bagi menjamin hak rakyat Palestin menjadi satu bukti bahawa Israel tidak akan membenarkan rakyat Palestin mengembalikan peradaban mereka. Semenjak penaklukan Israel, seluruh ruang lingkup rakyat Palestin telah terjajah sehingga menyebabkan peradaban mereka turut musnah. Kekejaman serta penindasan terhadap rakyat Palestin akan sentiasa berlaku tetapi apa yang lebih penting bagi Israel ialah mereka tidak akan membenarkan kemunculan semula peradaban Palestin. Walau bagaimanapun kesusahan dan tekanan hidup yang diberikan oleh Israel telah mencetuskan semangat luar biasa rakyat Palestin untuk bersatu padu dan seterusnya mencetuskan Intifadah.

Sungguhpun untuk menuntut dan mengembalikan peradaban rakyat Palestin seperti suatu masa dulu adalah suatu perkara yang sukar tetapi ia tidak mustahil dilakukan. Berputus asa atau menyerah kalah tidak ada di dalam diri rakyat Palestin

walaupun setiap rundingan perdamaian yang dijalankan menemui kegagalan. Corak perjuangan berdasarkan Intifadah menjadi alternatif kepada rakyat Palestin di dalam usaha untuk menuntut hak yang telah hilang.

NOTA HUJUNG

1. Wright Martin, *Israel and The Palestinians*, London:Longman Group UK Limited, 1989, hlm.65

2. Ibid., hal.64

3. Thalif Deen, *Politics:UN Elevates Political Status of Palestine*,< http:// www. oneworld. org/ips2/ jul98/22_41_102.html>, (23.8.2002)

4. Wikipedia, *Oslo Accords*, 2002 <http://www. wikipeda.org/wiki/1993_Oslo Peace_Accords _between_ Palestinians_and Israel>, (17.2.2002)

5. Yossi Verter, *Likud Central Committee Rejects Palestinian*, 13 Mei 2002, <http://www.haaretsdaily.com/hasen/pages/shart.jhtml?itemNo=162720&contrassID=1%subContrassID=1%subContrassID=1%subContrassID=0#top>,(17. 8.2002)

6. Mustafa Suhaimi, "Krisis Baru Di Palestin :Kudis Yang Boleh Membarah" *Al Islam,* Mei 1997.hlm 32

7. Hussien Ibish, *Interim State Equals no State At All. Only Full Sovereignty has Meaning for Palestinians, Bush Can Point the Way.*, 20 June 2002, <http://www.globalexchange.org/countries/palestine/212.html >, (21.10.2002)

8. Frank. H. Epp , *The Palestinians Potrait Of a People In Conflict*, Toronto: McClelland and Stewart Limited, 1976, hlm. 55

9. *Berita Harian* , "Palestin Hadapi Perang Saudara", Sabtu, 11 Sepetmber 1993, hlm. 29

10. Mohsen M.Saleh, *Isu Palestin, Latar Belakang dan Kronologi Perkembangannya Sehingga Tahun 2000,* ter: Haji Ahmad Kamal Mohamed, Kuala Lumpur:Fajar Ulung, 2001, hlm .83

11. Patrizia Raffin, *Inside Jerusalem*, London:Tiger Books International, 1991, hlm. 6

12. Wahbah az Zuhaili, *Baitulmaqdis Antara kelebihan dan Kezaliman Zionis*, ter: Abul Khairi al Latifi, Kuala Lumpur:Al-Hidayah, 2001,hlm. 166

13. Nathan Krystall, "The de-Arabization of West Jerusalem 1947-1950", *Journal of Palestine Studies,* Vol. XXVII, No. 2 Winter, 1998, hlm. 14

14. Rex Brynen and Neil Caplan, "Israel and Palestine: Implications of the Intifada", Rex Brynen (e.d), *Echoes of The Intifada, Regional Repercussion of the Palestinian-Israeli Conflict,* USA:Westveiw, 1991, hlm. 6

15. Mohsen M Saleh, *Isu Palestin*, hlm. 101

16. Zin Mahmud, "Pelampau Yahudi Tentukan Dasar Barak", *MASSA*, 29 Mei 1999, hlm. 47

17. Muhd Izhar Abu Samah, "Israel Mempermainkan Arafat", *MASSA*, 5-11 Oktober 2002, hlm.49

18. Edward W. Said, "Projecting Jerusalem" , *Journal Of Palestine Studies,* Vol. XXV, No.1, Autmn 1995, hlm. 8

19. Zin Mahmud," HAMAS Perlu Berhati-hati", *MASSA* , 2 MEI 1998, hlm.19

20. Rashid Khalidi, *Sharing Jerusalem:A Blueprint for Solution,* <http:// farescentre .tufts.edu/jerusalem/rkhalidi/transcript-rkhali di.pdf> , (11 Mei 2003)

21. Muhd Izhar Abu Samah , *Israel Mempermainkan Arafat,* hlm. 49

22. Ahmed Sedki Ad-dajani, , "Usurping al Haram al Sharif, Real reason:, *al Ahram Newspaper,* 20. Dis. 2000, <http://www.Sis.Gov.eg?online /html./n 30122 oa.htm>, (14.12.2002)

23. *MASSA* ,"Palestin Perlu Tentukan Nasib Sendiri", 17-23 February 2001, hlm.49

24. Asmadi Mohamed Naim, "Masjid Al Aqsa Semakin Dilupakan, *MASSA*, 17-23 Februari 2000, hlm. 53

25. Ibid.

26. Palestnian Refugee Research Net, *Palestinian Refugees: An Overview*, 5 Jun 2001 <htttp//www. Arts.mcgil.ca/MEPP/PRRN/prissues.html >, (14.4.2002)

27. Ibid.

28. *MASSA*, "Palestin Perlu Tentukan Nasib Sendiri", hlm. 48

29. Donald Neff, "U.S Policy and the Palestinian Refugees", *Journal Of Palestine Studies*, Vol. XV111. No. 1 Issue 69. Autmn 1988.hlm. 101

30. *Mingguan Malaysia,* "Cerita Sebenar Derita Rakyat Palestin di Tindas Israel,Hidup Seperti di Penjara Terbuka, Ahad, 23 Februari 2003, hlm. 7

31. Ibid.

32. Globalexchange, *The Palestinian Diaspora: A History of Dispossession*, 11 Ogos2003,<http:/www.globalexchange.org/campaigns/palestine/refugeeFacts. html>, (22.9.2003)

33. Ella Zureik, "Palestinian Refugees And Peace", *Journal Of Palestine Studies* , Vol. XX1V. No. 1 Autmn 1994, hlm.15

34. Syed Hussein Ali, "Zionisme dan Bahayanya", *Dewan Masyarakat*, Julai 1988,hlm. 11

35. Geoffrey Aronson , "Settlement Monitor", *Journal of Palestine Studies,* Vol. XXVII, no. 3 Spring 1998, hlm.136

36. *Utusan Malaysia*, "40 Peratus Wilayah Palestin dikuasai", 15 Mei 2002 hlm. 18

37. Mustafa Suhaimi, *Krisis Baru di Palestin,*hlm. 33

38. Palestinmonitor, *Israeli Settlement In Occupied Palestinian Territories*, <http:/www. Palestinemonitor.org/factsheet/settlement.html>, (14 .7.2003)

39. Ibid.

40. Mustafa Barghouti, *We Are Being Reoccupied*, 23 Okt. 2001 <http:// www.hdip.org/mustafa/we_are_being_reoccupied,htm> (20 .9.2003)

41. Jeffrey D. Dillman, "Water Rights In The Occupied Territories", *Journal Of Palestine*, Vol. X1X . No. 1 Autumn 1989.hlm.61

42. Shlomi Dinar, *The Israeli Palestinian Water Conflicts and Its Resolution: A View Through International Relations Theory*, Jun 1999, <http:// www. ciaonet.org/isa/dis01/>, (21.9.2003)

43. PLO, Negotiaitions Affairs Department, *The Palestinian People's Right to the water Resources of Palestine*,<http://www. nad-plo.org?permanent/water 1.html,>, (20.9.2003)

44. Sharif S. Elmusa, "The Land – Water Nexus In The Israeli-Palestinian Conflict", *Journal of Palestine Studies*, Vol XXV. No,3 Spring 1996, hlm. 70

45. Jeffrey D. Dillman, "Water Rights In The Occupied Territories", *Journal Of Palestine*, Vol. X1X . No. 1 Autumn 1989.hlm. 48

46. Ibid., hlm.55

47. Ralph H Salmi, Water, *The Red Line: The Interdependence oF Palestinian and Israeli water Resources*, <http:// www. Web.macam ac/il-arnon/Int Me/ water/ PALESTINIAN% 20AND20% ISRAELI% 20 WATER.htm>,(22. 9.2003)

48. Anna Bellisari, "Public Health and The Water Crisis In The Occupied Territories", *Journal of Palestine Studies*, Vol. XX111, No. 2 Winter 1994, hlm. 57

49. Shlomi Dinar, *The Israeli Palestinian Water Conflicts and Its Resolution: A View Through International Relations Theory*, Jun 1999, <http:// www. ciaonet.org/isa/dis01/>, (20.9.2003)

50. *Mingguan Malaysia* , " Cerita Sebenar Derita Rakyat Palestin, Hidup Seperti di Penjara Terbuka", hlm. 7

51. Israel Shahak, "Israel Apartheid and the Intifada", *Race &Class*, The Institute of Race Relations, 1988. hlm. 8

52. Gil Feiler, "Palestinian Employment Prospects", *Middle East Journal*, Volume 47, Autumn 1993,hlm. 641

53. Daim Zainuddin, "Negara–negara Arab Kalahkan Perang Iraq", *Dewan Masyarakat*, Julai 2003, hlm. 60

54. "Developing The Palestinian Ekonomy", an Interview with George T. Abed , *Journal of Palestine Studies* Vol. XX111, No. 4 Summer 1994, hlm. 43

55. Gail Pressberg, "The Uprising : Causes and Consequences ", *Journal of Palestine Studies*, Vol. XV11. No.3, Spring 1988, hlm. 40

56. Ecuminical Accompaniment Program in Palestin & Israel Palestinian, Students Talk About Universiti Life Under Occupation, 12 Dis.2002 <http://www. quaker.org. uk?peace/qpsdocs/repsu.html>, (14.12.2003)

57. Raja Shehadeh, "Israel and Palestinian: Human Rights in the Occupied Territories", Rex Brynen(e.d) *Echoes of the Intifada :Regional Repercusiion of the Palestinian-Israeli Conflict*, USA: Westview Press,hlm. 36

58. Ibid.

59. "Ekonomic Transition in the Occupied Territories", an Interview with Stanley Fischer, *Journal of Palestine Studies*, Vol., XX111, no. 4 , Summer 1994 , hlm. 54

60. Aryeh Shalev, *The Intifada Causes and Effects*, USA : Westview Press, 1991, hlm. 17